



**LEMBAGA
PELABUHAN
BINTULU**

**TATACARA
PENGURUSAN
PEROLEHAN**
**(SUMBER: DANA
DALAMAN LPB)**

**[PEROLEHAN
PERKHIDMATAN
KEMUDAHAN LATIHAN
SECARA PAKEJ]**

KANDUNGAN

PENGECUALIAN DARIPADA TATACARA PEROLEHAN LPB	2
Perolehan Perkhidmatan Kemudahan Latihan Secara Pakej	2
1. Perolehan Perkhidmatan Kemudahan Latihan Secara Pakej	2
2. Kaedah Dan Had Nilai Perolehan	2

PENGECUALIAN DARIPADA TATACARA PEROLEHAN LPB

Perolehan Perkhidmatan Kemudahan Latihan Secara Paket

1. Perolehan Perkhidmatan Kemudahan Latihan Secara Paket

Takrifan:

- 1.1. "Latihan" bermaksud proses pemindahan ilmu pengetahuan bertujuan menambah pengetahuan, kemahiran dan sikap yang bersesuaian untuk memenuhi keperluan dan tuntutan semasa dalam organisasi. Ia meliputi konvensyen, kursus, bengkel/retreat, makmal (*lab*), seminar/taklimat, kolokium, forum, simposium, lawatan rasmi/korporat/sambil belajar, klinik kaunseling dan lain-lain program yang memenuhi definisi latihan.
- 1.2. "Paket" bermaksud perolehan yang dibuat dalam satu Pesanan Belian/Kerja merangkumi kombinasi daripada mana-mana item kemudahan latihan seperti penginapan, makanan, dewan, bilik latihan, peralatan dan bahan yang berkaitan dengan latihan daripada penyedia kemudahan latihan yang berkeupayaan dan berkemampuan.

2. Kaedah Dan Had Nilai Perolehan

- 2.1. LPB adalah dibenarkan untuk melaksanakan perolehan secara rundingan terus kemudahan latihan secara paket mengikut had nilai dan kuasa melulus yang ditetapkan seperti berikut:

2.1.1 Had Nilai Dan Kuasa Melulus

Bil.	Had Nilai (Bagi Setiap Paket)	Kuasa Melulus	Tanggungjawab
1.	Sehingga RM50,000	Pengurus Besar/ Pegawai yang diturunkan kuasa oleh Pengurus Besar	Memastikan semua urusan berkaitan pelantikan penyedia kemudahan latihan mematuhi dasar dan prinsip-prinsip perolehan LPB serta amalan tadbir urus baik
2.	Melebihi RM50,000 sehingga RM500,000	Jawatankuasa Sebut Harga	
3.	Melebihi RM500,000	Lembaga Perolehan Agensi	

2.1.2 Syarat-Syarat

- 2.1.2.1** Peruntukan kewangan telah diluluskan dan mencukupi;
- 2.1.2.2** Kajian pasaran dilaksanakan;
- 2.1.2.3** Perolehan tidak tertumpu kepada satu penyedia kemudahan latihan;
- 2.1.2.4** Keutamaan kepada institusi latihan/pusat konvensyen yang dimiliki oleh Agensi Kerajaan atau anak-anak syarikatnya. Institusi latihan/pusat konvensyen yang dimiliki oleh Agensi Kerajaan atau anak-anak syarikatnya adalah dikecualikan daripada berdaftar dengan Kementerian Kewangan;
- 2.1.2.5** Keutamaan kepada penyedia kemudahan latihan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam kod bidang berkaitan bagi perolehan yang bernilai melebihi RM50,000; dan
- 2.1.2.6** Kadar kelayakan bagi penginapan, makan dan minum peserta latihan hendaklah tidak melebihi kadar kelayakan semasa yang berkuat kuasa.

2.1.3 Jawatankuasa Penilaian

- 2.1.3.1** LPB hendaklah menubuhkan satu Jawatankuasa Penilaian dengan keahlian terdiri daripada tiga (3) orang, iaitu seorang pengurus dan dua (2) orang ahli, di mana sekurang-kurang seorang daripadanya hendaklah terdiri daripada pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau setaraf. Pelantikan hendaklah dibuat secara bertulis oleh Pengurus Besar.
- 2.1.3.2** Tanggungjawab Jawatankuasa Penilaian adalah seperti berikut:
 - (a) Memastikan syarat-syarat yang dinyatakan di atas dipatuhi;

- (b) Menilai kemampuan penyedia kemudahan latihan dengan mengambil kira faktor-faktor seperti syarat pembayaran, kadar pembayaran, tempoh, diskau, harga pasaran terbuka, keupayaan penyediaan kemudahan latihan dan lain-lain kriteria yang ditetapkan oleh Agensi. Perbandingan antara satu tawaran penyedia kemudahan latihan dengan tawaran penyedia kemudahan latihan yang lain hendaklah dibuat berasaskan kepada faktor atau unsur yang sama (*equal footing*); dan
- (c) Memperakukan kepada Pihak Berkuasa Melulus, penyedia kemudahan latihan yang layak berdasarkan tawaran yang terbaik dari segi harga dan kualiti mengikut keperluan LPB.

2.1.4 Bon Pelaksanaan

- 2.1.4.1 Perolehan kemudahan latihan secara pakej adalah dikecualikan daripada dikenakan Bon Pelaksanaan. LPB hendaklah memastikan semua obligasi kontrak telah disempurnakan sebelum pembayaran dibuat.

2.1.5 Kontrak Formal

- 2.1.5.1 LPB hendaklah mengeluarkan Pesanan Belian/ Kerja dengan menyatakan terma-terma dan syarat-syarat perolehan perkhidmatan kemudahan latihan secara pakej yang dilaksanakan secara *one off* dengan jelas tanpa perlu mewujudkan satu kontrak formal.
- 2.1.5.2 Bagi perolehan perkhidmatan kemudahan latihan secara bersiri dengan penyedia kemudahan latihan yang sama, satu kontrak formal hendaklah diwujudkan.
- 2.1.5.3 Pesanan Belian/ Kerja seboleh-bolehnya hendaklah dikeluarkan sebelum perkhidmatan atau selewat-lewatnya dalam tempoh satu (1) minggu selepas perkhidmatan diterima.